

**BULETIN****UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.7 Julai 2022 | ISSN 2232-0415



## UTHM dan Fraunhofer Society Jerman Terus Jalin Kerjasama Dalam Bidang TVET

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



QS



UTHM Johor

subscribe  
UTHM TVGlobal Technopreneur  
University 2030



## ISI KANDUNGAN

- 1 UTHM dan Fraunhofer Society Jerman Terus Jalin Kerjasama Dalam Bidang TVET
- 2 UTHM jalin kerjasama dengan dua universiti di Turki
- 3 UTHM dilantik Kotler Impact Inc. jadi wakil tunggal tiga negara promosikan teknousahawan
- 4 Naib Canselor UTHM terima Anugerah Tokoh Akademik daripada UTM
- 5 UTHM raih juara kategori di World RoboCup 2022
- 6 UTHM kini tersenarai dalam QS World University Rankings 2023
- 7 Terima kasih UTHM jaga kebajikan pelajar – MPP UTHM
- 8 Banjir Baling: 47 sukarelawan UTHM sertai misi bantuan banjir
- 10 Terbitan Terkini



## REDAKSI

### PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi

### EDITOR

Nor Azezee Ahmad

### PENYELARAS / WARTAWAN

Suriayati Baharom

### FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak  
Jaafar Muhammad

### GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

### PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

### PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

### PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat  
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





## UTHM dan Fraunhofer Society Jerman Terus Jalin Kerjasama Dalam Bidang TVET

**M**eneruskan lagi usaha memperkasakan pendidikan negara melalui aktiviti pengantarabangsaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjalin kerjasama dengan the Fraunhofer Institute for Mechatronic Systems Design IEM khususnya dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) meliputi akademik, penyelidikan dan inovasi.

Fraunhofer-Society yang berpangkalan di Jerman ialah organisasi penyelidikan gunaan terkemuka di dunia yang mengutamakan teknologi penting masa hadapan dan mengkomersialkan penemuannya dalam perniagaan dan industri.

The Fraunhofer Institute for Mechatronic Systems Design IEM yang terletak di Paderborn, Jerman ini memfokuskan kepakaran dalam bidang mekatronik pintar bagi industri 4.0.

Pada Julai 2017, Kementerian Pendidikan dan Penyelidikan Republik Persekutuan Jerman (BMBF) telah meluluskan projek "RAISE-MED" berjumlah €612,000 selama lima tahun bermula dari 2017 hingga 2022.

Matlamat projek ini adalah untuk membawa model Fraunhofer (penyelidikan gunaan) ke Malaysia melalui penubuhan bersama makmal inovasi.

Sebelum ini UTHM dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Fraunhofer IEM pada April 2018.

Perjanjian kerjasama itu bertujuan mengadaptasikan Model Fraunhofer, Jerman ke arah penambahbaikan ekosistem inovasi dan hubungan universiti-Industri

di Malaysia, membantu UTHM memperkasakan jaringan dengan industri tempatan dan industri Jerman, kerjasama dalam penyelidikan gunaan dan perundingan serta kerjasama dua negara khususnya berkaitan pertukaran pelajar dan staf dengan institusi peneraju IR4.0 di Jerman.

Manakala pada 29 Januari 2019 lalu, UTHM dan Fraunhofer IEM telah melancarkan makmal inovasi "innovationlabs.my" di kampus induk UTHM, Batu Pahat.

Seterusnya pada 24 September 2019, UiTM dan Fraunhofer IEM turut melancarkan makmal inovasi "innovationlabs.my" kedua di kampus UiTM.

Penubuhan makmal inovasi ini bertujuan untuk dijadikan pusat bagi membangunkan idea inovasi yang dapat menghasilkan produk dan perkhidmatan berteraskan teknologi terkini. Makmal ini dapat mempergiatkan lagi aktiviti pemindahan ilmu dan teknologi, khususnya dalam bidang TVET daripada universiti mengikut model Jerman untuk diketengahkan kepada industri bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berteknologi tinggi sekali gus menepati kehendak pasaran.

Bagi meneruskan lagi kerjasama tersebut, satu majlis menandatangani Letter of Intent (LoI) telah diadakan pada 13 Julai 2022 di Fraunhofer IEM di Paderborn.

LoI itu ditandatangani sempena lawatan rasmi HI-TVET Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar ke Jerman pada 12 hingga 16 Julai 2022.

Lawatan ini menjadi salah satu usaha dalam membangunkan lagi penubuhan makmal inovasi yang telah ditubuhkan bersama sebelum ini.

UTHM diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, UiTM pula diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni), Profesor Dr. Mohamad Hariri Hj. Abdullah manakala Fraunhofer IEM diwakili Pengarahnya, Profesor Dr.-Ing. Roman Dumitrescu.

Sesi menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Ketua Setiausaha, KPT dan Pesuruhjaya ASEAN Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Inovasi, Pengigitalan dan Tenaga Negeri Rhine-Westphalia Utara, Karl-Uwe Buetov.

Kerjasama ini akan memberi tumpuan kepada lanskap sains dan inovasi Jerman serta lawatan industri ke wilayah Ostwestfalen-Lippe, termasuk Automasi Beckhoff di Verl, GEA Westfalia Separator di Oelde dan Diebold Nixdorf di Paderborn.



## UTHM jalin kerjasama dengan dua universiti di Turki



**B**agi memperkasakan lagi pendidikan negara melalui aktiviti pengantarabangsaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjalin kerjasama dengan dua universiti di Turki melibatkan Istanbul Medipol University (IMU) dan Ankara Medipol University (AMU) khususnya dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Bagi merealisasikan kerjasama tersebut, satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) telah diadakan pada 7 Julai 2022 bertempat Presidential Palace, Presidential Complex, Ankara.

MoU itu dibuat ketika berlangsungnya lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob ke Turkiye pada 5 hingga 8 Julai 2022.

UTHM diwakili Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts. Dr. Azme Khamis manakala Ankara Medipol University diwakili Rektornya, Profesor Dr. Ahmet Zeki Sengil, yang turut mewakili Istanbul Medipol University.

Sesi menandatangani perjanjian disaksikan oleh Perdana Menteri dan Presiden Republik Turkiye, Recep Tayyip Erdogan.

UTHM akan bekerjasama dengan IMU dan AMU melibatkan aktiviti seperti penyelidikan dalam bidang saintifik dan teknologi; mobiliti staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar; perbincangan, simposium dan ceramah saintifik dan teknologi; perkongsian/pertukaran penemuan akademik, penerbitan dan informasi pendidikan, peluang staf AMU menyambung pengajian

peringkat PhD di UTHM dan lain-lain kerjasama yang akan dipersetujui kedua-dua pihak.

UTHM berharap jalinan kerjasama antarabangsa seumpama ini dapat merencanakan lagi pelaksanaan pelbagai aktiviti akademik, penyelidikan dan inovasi serta penerbitan di universiti ini sekaligus menyumbang kepada pembangunan sistem pendidikan negara.

# UTHM dilantik Kotler Impact Inc. jadi wakil tunggal tiga negara promosikan teknousahawan



**B**ATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dilantik secara rasmi sebagai wakil tunggal kepada Kotler Impact Inc. yang berpangkalan di Kanada bagi mempromosikan bidang teknousahawan dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi (IPT).

Lantikan itu dibuat melalui memorandum persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada 26 Julai 2022 lalu bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Kerjasama ini melibatkan komitmen UTHM untuk mempromosikan electronic World Marketing Summit (eWMS) yang akan diadakan secara dalam talian pada 6 dan 7 November 2022 akan datang kepada semua universiti dan IPT di Malaysia, Brunei dan Singapura.

Hampir sejuta tiket eWMS yang berharga USD100 setiap satu akan diberikan kepada setiap negara secara percuma sepanjang promosi dijalankan.

Di samping itu, pelajar dan individu yang berminat untuk mendapatkan sijil profesional lanjutan dalam bidang pemasaran daripada eWMS boleh berbuat demikian melalui pemeriksaan khas dengan yuran serendah

RM50 seorang.

Pendaftaran bagi eWMS dan sijil profesional anjuran Kotler Impact Inc. boleh dibuat melalui Pusat Pembangunan Pelajar (PBP), UTHM.

Untuk rekod, Kotler Impact Inc. merupakan sebuah komuniti pemasaran strategik yang berhasrat menggunakan pembangunan ekonomi yang mampan dalam membangunkan bidang teknousahawan.

Matlamat utama yang disasarkan institusi ini adalah untuk mewujudkan dunia yang lebih baik melalui pemasaran, yang mana orang ramai akan lebih yakin dengan diri sendiri dan mampu memberi komitmen yang lebih baik kepada syarikat dan negara.

Kotler Impact Inc percaya bahawa generasi yang mampan dapat berevolusi dan lebih berdaya saing.

Perkara ini boleh dicapai melalui pengumpulan kepelbagaian pasaran, pelaksanaan sumber asas, pendidikan dan komitmen dalam kepimpinan perniagaan dan profesional.

Setiap usaha yang dibuat memerlukan hala tuju yang strategik, pelaburan, masa dan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan.

Atas dasar inilah Kotler Impact Inc mengambil langkah berani dengan melibatkan para pelajar IPT di tiga buah negara yang disasarkan bagi menceburi bidang perniagaan atau teknousahawan.

Program ini dilihat sebagai peluang terbaik untuk pelajar menceburi bidang perniagaan sebagai salah satu cabang kerjaya dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan jumlah pengangguran dalam negara.

PBP bersama UTHM akan menyokong usaha seumpama ini dan akan memberi kerjasama yang baik dengan Kotler Impact Inc bagi menyokong pembangunan negara dan bidang teknousahawan.

# Naib Canselor UTHM terima Anugerah Tokoh Akademik daripada UTM



**S**KUDAI, 20 Julai 2022 - Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim menerima Anugerah Tokoh Akademik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ketika berlangsungnya Citra Karisma Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan UTM 2022.

Majlis anugerah yang berlangsung di Dewan Sultan Iskandar, kampus induk UTM itu telah disempurnakan oleh Pro Canselor UTM, Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor.

Prof. Ruzairi, 55 merupakan tokoh akademik yang berdedikasi dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan serta banyak menyumbang ke arah pembangunan pendidikan dan penyelidikan negara.

Beliau sebelum ini pernah mencipta pelbagai kejayaan ketika memikul tugas dan tanggungjawab sebagai ketua keluarga, pemimpin, pentadbir, ahli akademik serta penyelidik.

Lulusan PhD. dari Sheffield Hallam University, United Kingdom ini telah diberi amanah menyandang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan pada tahun 2006 hingga 2009, diikuti dengan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, UTM pada 2009 hingga 2016.

Berbekalkan pengalaman yang luas, Prof. Ruzairi kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM pada tahun 2016 hingga 2019 dan kemudian dilantik sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan sekembalinya ke UTM pada tahun 2021.

Kini sekali lagi beliau diberi kepercayaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk dilantik sebagai Naib Canselor UTHM bermula pada 9 Mei 2022 lalu sehingga kini.

Sepanjang berkhidmat di UTM, beliau telah menerima 45 anugerah sebagai pengiktirafan kepada kecemerlangan beliau.

Antaranya Anugerah Penulis Jurnal Berindeks, Anugerah Kualiti UTM – Research Management Centre, Anugerah Inovasi Naib Canselor - Research Management Centre, Anugerah Saintis Cemerlang (MOHE), Malaysia's Research STAR Award 2019, Research and Innovation Excellence in area Technology and Engineering dan Top Research Scientist Malaysia (TRSM) by Academy Science Malaysia.

Prof. Ruzairi sangat menitikberatkan sikap saling membantu dan bekerjasama dalam kalangan staf kerana baginya budaya ini merupakan antara faktor penting dalam menyumbang kepada kejayaan sesebuah organisasi.

Beliau turut menyeru warga kerja di bawahnya supaya sentiasa berkongsi ilmu, memudahkan apa jua urusan orang lain dan bersedia untuk berubah.

Prof. Ruzairi juga menerapkan kaedah 'mentor-mentee' dalam kepimpinan kerana ianya boleh mewujudkan satu kerjasama yang lebih harmoni dalam kalangan ketua dan kakitangan.

"Sebagai ahli akademik kita perlu bersikap rajin, konsisten, kreatif dan memiliki semangat juang yang tinggi terhadap pelbagai cabaran mendatang bagi memastikan kejayaan dapat dicapai dalam melaksanakan apa jua tugasan," katanya.

Pihak universiti berharap pencapaian dan sumbangan yang dicurahkan beliau sebelum ini mampu menjadi pemangkin dalam membantu UTHM sebagai universiti perintis dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mencapai hasratnya menjadi 'Global Technopreneur University' menjelang tahun 2030 (GTU 2030).

# UTHM raih juara kategori di World RoboCup 2022



**B**ANGKOK, 17 Julai 2022 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencipta sejarah apabila berjaya meraih tempat pertama kategori ‘On-line @homeedu’ bagi pertandingan robotik terbesar dunia iaitu ‘World RoboCup 2022’ yang berlangsung di Bangkok pada 11 hingga 18 Julai 2022.

Pertandingan anjuran Worldwide Robocup Federation ini melibatkan penyertaan 45 negara antaranya Belanda, Sweden, Sepanyol, Mexico, Jepun, Indonesia, United Kingdom, Thailand, Brazil, Jerman, Mesir dan Emiriah Arab Bersatu.

Tiga kategori pertandingan telah disertai UTHM iaitu ‘On-line @homeedu’, ‘On-site @homeedu’ dan juga ‘On-site @home Major League.’

UTHM dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) dan Dr. Jeffrey Tan dari My-Edu meraih gelaran juara bagi kategori ‘On-line @homeedu’ mengalahkan 14 pasukan lain dari Jepun, Amerika, Mexico, dan China.

Manakala bagi kategori ‘on-site @homeedu,’ hasil kolaborasi antara UTHM, UM (Ketua) dengan My-Edu pula mendapat tempat kedua menewaskan enam pasukan lain dari Mesir dan Thailand.

Bagi kategori ‘on-site @home Major League,’ hasil kolaborasi antara UTHM, Universiti Tun Abdul Razak (UTAR) dan My-Edu yang mempertaruhkan robot bernama Hussein-Bot dan UTAR-Bot telah berjaya memasuki peringkat separuh akhir.

Hanya menggunakan robot bernilai RM40 ribu, mereka berjaya mengalahkan pasukan Softbank Japan (Chief Of Science Office) yang mempertaruhkan robot bernilai kira-kira RM600 ribu dan juga pasukan LARs dari University of Leeds yang menggunakan robot TIAGo bernilai RM450 ribu.

Pertandingan ini disertai oleh sembilan pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) dan dua pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina iaitu Muhamad Faizul Akma, Muhammad Zulfauzan Fahmi, Muhammad Amirul Amri, Zubair Adil Soomro, Nur Nazifa, Siti Nurlina, Muhamad Aliif Aimran, Mohd Fakhrudin, Muhammad Fikri, Mohd Irfan dan Rohadatul Aisyah, yang mana mereka telah mereka cipta dua robot servis iaitu HUSSEIN-Bot dan BAY-XEE-Bot.

Mereka diselia oleh Dr. Abu Ubaidah Shamsudin dari Electric Vehicle Research Centre (EV-REC) selaku penyelia utama, Hazwaj Mhd Poad, Dr. Herdawatie Abdul Kadir dan dibantu oleh Rosley Sawarno serta FKEE, Pusat Pembangunan Pelajar (PBP) dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), UTHM.

Menurut Dr. Abu Ubaidah HUSSEIN-Bot dan BAY-XEE-Bot merupakan robot servis kuarantin yang mampu melakukan interaksi kompleks dengan manusia.

“Proses kuarantin yang mengambil masa yang agak lama boleh menimbulkan tekanan kepada manusia.

“Maka bagi menyelesaikan masalah ini robot tersebut dilengkapi kecerdasan buatan yang mampu mengenal pasti keadaan emosi manusia seperti marah, sedih dan gembira dan sentiasa berusaha memperbaiki emosi manusia dengan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan.

Malah manusia juga tidak perlu bersusah payah memanggil robot untuk datang kerana robot tersebut mampu menganalisa ekspresi wajah serta kecerdasannya mampu mengenal pasti bila ia diperlukan,” jelas beliau.

Sementara itu Dekan FKEE, Profesor Madya Dr. Rosli Omar turut merakamkan ucapan tahniah beliau kepada pasukan ini.

“Saya berharap kejayaan pasukan ini mampu memberikan inspirasi kepada pelajar lain dalam menyahut cabaran globalisasi ilmu, sentiasa melihat ke hadapan dan berusaha mengharumkan nama universiti di peringkat antarabangsa,” katanya.

Pertandingan ini merupakan satu platform bagi para pelajar UTHM untuk mengembangkan bakat dan mempelajari kemahiran baharu dengan penglibatan pihak industri dan universiti lain sekaligus mampu mewujudkan jaringan kerjasama yang lebih luas.

Pasukan ini juga bakal bertanding di Robocup Bangkok 2023. Tonton hasil reka cipta mereka untuk RoboCup 2022 di pautan berikut <https://youtu.be/r05VaEViaXM>




# UTHM kini tersenarai dalam QS World University Rankings



**NEW**

**WORLD  
2023**

published in  
topuniversities.com  
on 8 JUNE 2022



**ASIA  
2022**



Trustworthy · Professional · Innovative



**B**ATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya tersenarai buat kali pertama dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings (WUR) 2023 pada kedudukan julat antara 1001-1200 daripada 2462 universiti seluruh dunia yang dinilai pada tahun ini.

Kejayaan ini membuktikan satu lagi manifestasi UTHM berada di landasan yang tepat dalam mencapai hala tuju Global Technopreneur University 2030 (GTU2030).

Terdahulu, UTHM telah menempa kejayaan menduduki tangga ke 247 menerusi laporan QS Asia University Ranking bagi tahun 2022 berbanding tangga julat 251-300 pada tahun 2021.

Selain itu pada awal Julai 2022, UTHM turut tersenarai dalam Times Higher Education Asia Rankings 2022 pada kedudukan 401-500.

Hasil analisis dan laporan QS WUR yang dikeluarkan pada 9 Jun lalu, UTHM diiktiraf mempunyai kekuatan rangkaian antarabangsa iaitu indikator utama yang menjadi penyumbang kejayaan penarafan tahun ini.

Selain itu, ruang tambah baik yang akan diberi tumpuan seperti reputasi akademik dan reputasi majikan turut diberi tumpuan dalam Pelan Strategik 2021-2025 UTHM.

Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim berkata pengiktirafan sulung ini


merupakan hasil kerjasama, sokongan dan iltizam yang kuat daripada seluruh warga kampus.

Tambah beliau, gerak kerja telah direncana sejak beberapa tahun lalu bagi merealisasikan impian ini dan kejayaan ini menjadi bukti bahawa usaha tersebut tidak sia-sia.

“Rentetan kejayaan penarafan ini, UTHM akan terus melangkah ke hadapan dan berusaha sedaya upaya memenuhi ikrar bagi memelopori bidang TVET institusi pengajian tinggi selari dengan hasrat menjadikan UTHM sebagai Global Technopreneur University 2030,” katanya.



## Terima kasih UTHM jaga kebajikan pelajar – MPP UTHM



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berterima kasih atas keprihatinan pihak universiti dalam menjaga kebajikan para pelajar.

Yang DiPertua MPP, Amsyar Hadie berkata majoriti pelajar di UTHM terdiri daripada golongan B40 dan sememangnya memerlukan bantuan yang sewajarnya daripada pihak universiti.

“Suara daripada pelajar yang dikemukakan oleh MPP mendapat perhatian sepenuhnya daripada Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim dan pihak beliau memberi maklum balas yang sangat positif,” katanya.

MPP UTHM sentiasa prihatin terhadap suara dan rintihan pelajar dan sentiasa bersedia dalam memberi input serta cadangan yang boleh dilaksanakan bagi membantu para pelajar.

“Universiti telah membantu dengan memberikan pelbagai bantuan antaranya seperti program Sabil Al-Hikmah, Food Bank Siswa dan juga Food@Campus bagi menampung keperluan harian pelajar.

“Inisiatif pelan data dan juga peranti juga telah berjaya meringankan beban pelajar dalam keperluan mendapatkan akses kepada pendidikan yang berkualiti selari dengan kemajuan digital masa kini,” katanya.

MPP UTHM berharap agar inisiatif dan bantuan yang diberikan ini dapat memanfaatkan lebih ramai lagi pelajar yang terkesan serta dapat diteruskan pada masa akan datang.

Selain daripada itu, pihak MPP UTHM juga memohon supaya inisiatif lain juga turut dilaksanakan bagi memenuhi aspirasi universiti ke arah mencapai universiti global di samping menjaga keharmonian pelajar di kampus.

MPP UTHM menyeru kepada semua pelajar yang memerlukan bantuan untuk tampil ke Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan berhubung mengikut saluran yang disediakan oleh universiti.

“Pihak kami mewakili pelajar universiti ini juga ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang tidak pernah mengabaikan

kebajikan mahasiswa,” katanya.

Untuk rekod, Pihak KPT bersama Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia baru-baru ini telah memberi peruntukan RM1 juta untuk disalurkan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuklah universiti awam bagi memastikan kebajikan pelajar terbelas.



## Banjir Baling: 47 sukarelawan UTHM sertai misi bantuan banjir



**B**ALING, 7 Julai 2022 - Seramai 47 sukarelawan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai misi bantuan banjir bagi membantu mangsa yang terlibat dengan kejadian kepala air dan banjir kilat di Baling, Kedah.

Seramai 10 staf dan 37 pelajar dihantar bagi melaksanakan kerja-kerja kesukarelawanan di beberapa lokasi yang dikenal pasti di daerah tersebut.

UTHM turut menghantar satu lori membawa barangan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir untuk diserahkan kepada Pusat Pemindahan Banjir bagi tujuan agihan.

Menurut Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Haszrinaz Husain@Hashim pihaknya juga turut menyampaikan sumbangan kepada dua pelajar UTHM yang terlibat dengan bencana ini bagi membantu meringankan beban pelajar dan ahli keluarga terlibat.

Manakala Yayasan UTHM pula telah menyumbang barangan keperluan berupa makanan dan barangan keperluan diri bernilai RM10 ribu kepada mangsa banjir.

“Semoga usaha kecil ini dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir di Baling, Kedah dan mampu memberi sedikit keceriaan kepada mereka untuk menyambut Aidiladha,” katanya.

UTHM amat mengalu-alukan sumbangan daripada warga kampus dan orang ramai bagi menjayakan Misi Bantuan Banjir UTHM. Sumbangan boleh dibuat melalui Akaun Yayasan UTHM (Bank Rakyat 1101-6862-87).





# IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

## SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

## KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

\*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT  
LANJUT SILA IMBAS  
QR CODE



SCAN ME



Fakulti Sains Komputer &  
Teknologi Maklumat  
Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia,  
86400, Parit Raja, Batu Pahat,  
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601  
FAX: +(607) 453 6023  
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

## PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

PENGANALISA WEB

WEB SPECIALIST

PEMBANGUN KANDUNGAN  
WEB

PENGURUS PROJEK WEB

PEREKA WEB




## KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



# Terbitan Terkini




## HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



## THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

# Terbitan Terkini



## REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00


Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Sejarar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik dalam perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.



# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



# GTU2030

Global Technopreneur University 2030